

## KEBERKESANAN KOD KURSUS CTU152 DALAM MEMUPUK NILAI ETIKA DAN PERADABAN: KAJIAN KES DI UITM CAWANGAN MELAKA

***THE EFFECTIVENESS OF THE CTU152 COURSE CODE IN  
FOSTERING ETHICAL AND CIVILISED VALUES: A CASE STUDY AT  
UITM MELAKA BRANCH***

Hamidah binti Jalani<sup>1\*</sup>

Nor Adina binti Abdul Kadir<sup>2</sup>

Mariam Farhana binti Md Nasir<sup>3</sup>

Dr. Izzah Nur Aida binti Zur Raffar<sup>4</sup>

Nang Naemah binti Nik Dahalan<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka  
(E-mail: hamidahjalani@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka  
(E-mail: noradina@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka  
(E-mail: mariamfarhana@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka  
(E-mail: izzahnur@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka  
(E-mail: nangnaemah@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: hamidahjalani@uitm.edu.my

---

### Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

### To cite this document:

Jalani, H., Kadir, N. A. A., Md Nasir, M. F., Zur Raffar, I. N. A., & Nik Dahalan, N. N. (2025). Keberkesanan kod kursus CTU152 dalam memupuk nilai etika dan peradaban: Kajian kes di UiTM Cawangan Melaka. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 390 - 405.

---

**Abstrak:** Kertas kerja ini bertujuan memberi penilaian terhadap keberkesanan Kod Kursus CTU152 dalam mendorong nilai etika dan peradaban dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka. Kajian ini menilai sejauh mana kursus ini berjaya menyampaikan konsep etika dan peradaban serta mengukur impaknya terhadap sikap dan tingkah laku pelajar. Pendekatan kuantitatif akan digunakan bagi mengumpul data soal selidik respon pelajar yang mengikuti kursus CTU152 di UiTM Cawangan Melaka. Data yang dikumpul dianalisis untuk menilai persepsi pelajar mengenai keberkesanan kaedah pengajaran, kerelevan kandungan kursus serta kesan keseluruhan mereka terhadap pemahaman dan penghayatan nilai etika dalam kehidupan sehari-hari mereka. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti pelajar merasakan kursus ini relevan dan bermanfaat dalam membentuk sahsiah serta meningkatkan pemahaman mereka terhadap konsep etika dan peradaban. Namun, terdapat juga beberapa cabaran yang dikenal pasti dalam pelaksanaan kursus termasuk penyesuaian

*kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif. Kesimpulannya, kursus CTU152 berperanan penting dalam pembentukan nilai etika di kalangan pelajar UiTM.*

**Kata kunci:** Keberkesanan, kod kursus CTU152, nilai etika, peradaban, UiTM Cawangan Melaka.

**Abstract:** This paper aims to evaluate the effectiveness of Course Code CTU152 in inculcating ethical and civilised values among the students of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka Branch. This study assesses the extent to which the course successfully conveys the concepts of ethics and civilization and measures its impact on students' attitudes and behaviours. A quantitative approach will be used to collect questionnaire data on responses of students who attended the CTU152 course at UiTM Melaka Branch. The data collected were analysed to assess students' perceptions of the effectiveness of teaching methods, the relevance of the course content as well as its overall impact on the understanding and appreciation of ethical values in their daily lives. The findings of the study show that the majority of students feel that this course is relevant and beneficial in shaping their personality as well as improving their understanding of the concepts of ethics and civilization. However, there are also some challenges identified in the implementation of the course including adapting teaching and learning methods to be more interactive. In conclusion, the CTU152 course plays an important role in the formation of ethical values among UiTM students.

**Keywords:** Effectiveness, CTU152 course code, ethical values, civilisation, UiTM Melaka Branch.

## Pengenalan

Permasalahan berkaitan etika dan adab sering berlaku dalam kalangan remaja masa kini. Keadaan ini tidak terkecuali kepada pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Menurut Khairul Hamimah Mohd Jodi (2006), peningkatan masalah sosial melibatkan pelajar IPT telah menjadi tajuk utama dalam akhbar-akhbar tempatan. Kebelakangan ini, kes-kes yang melibatkan generasi muda terutama pelajar tidak mencerminkan jati diri dan sahsiah yang baik.

Keruntuhan akhlak dan adab serta terhakisnya nilai moral dalam diri generasi muda kini semakin merisaukan (Raudhatusoufrah & Kamarul, 2022). Menurut Abdul Muqsith et. al (2017), amalan yang tidak beretika dan berakhlak telah menjadi satu isu yang kritikal dalam kalangan pelajar. Salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa di peringkat pengajian tinggi telah banyak dilaporkan dalam media. Kesalahan khalwat, bersekedudukan dan menjual maruah adalah sebahagian daripada salah laku yang pernah dilaporkan oleh pelajar IPT (Melati & Zaharah, 2006).

Sedangkan kita sedia maklum bahawa generasi muda kini merupakan golongan yang akan memimpin negara pada masa akan datang. Untuk mencapai status negara yang maju, salah satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah dengan mempunyai sistem pendidikan yang mantap dari segi pembangunan material dan pembangunan nilai yang meliputi soal tingkah laku manusia (Ruslan et.al, 2020). Oleh itu, mereka seharusnya mempunyai jati diri yang baik merangkumi akhlak dan adab yang baik. Adab dalam pembelajaran contohnya menghormati guru dan menjaga etika ketika di dalam kelas adalah asas keberkatan ilmu (USIM, 2003). Hal ini kerana statistik menunjukkan peningkatan kes ketidak hormatan terhadap pensyarah,

terutama dalam pembelajaran atas talian memberi kesan negatif terhadap suasana pembelajaran (Asmah & Ribhan, 2021).

Kajian oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Melaka (2023) mendapati terdapat peningkatan sebanyak 18% kes disiplin berkaitan etika dalam kalangan pelajar semester 1 dan 2, termasuk ketidakhadiran tanpa sebab, tidak menghormati pensyarah dan salah guna media sosial. Teori Kohlberg mengenai perkembangan moral dan pendekatan Lickona mengenai pendidikan karakter menyokong keperluan sistematik untuk pembinaan nilai sejak peringkat awal pengajian tinggi. Kajian serupa di UKM (Zaini et al., 2021) dan UPM (Norhaslina & Rosli, 2022) juga menunjukkan kursus etika memberi kesan positif kepada pembentukan sahsiah pelajar. Namun, konteks dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar UiTM Melaka seperti beban tugas, latar belakang sosial berbeza serta perubahan pembelajaran digital memerlukan pendekatan yang lebih tersuai dan berkesan.

Atas inisiatif ini, pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah jati diri dan nilai murni dalam kalangan pelajar. Seiring dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan insan secara holistik dan seimbang, subjek yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi perlu mampu menyemai nilai-nilai etika, moral dan peradaban. Oleh yang demikian, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah diamanahkan untuk mengadakan kurikulum berkaitan kepentingan nilai-nilai etika dan peradaban di bawah kod kursus CTU152: Penghayatan etika dan peradaban.

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban adalah kursus teras baharu yang diperkenalkan di Universiti Awam (UA) bermula sesi pengambilan pelajar 2019/2020. Kursus ini merupakan subjek wajib bagi pelajar-pelajar yang berada di semester kedua. Kursus ini dirangka untuk membantu pelajar menilai dan menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian berdasarkan prinsip Islam serta memahami kepentingan pembentukan tamadun yang berakhlik. Justeru, adalah penting untuk menilai sejauh mana kursus CTU152 ini berkesan dalam mencapai matlamat tersebut, terutamanya dalam konteks memupuk nilai etika dan peradaban dalam kalangan pelajar.

Kajian ini dijalankan di UiTM Cawangan Melaka bagi meninjau pandangan pelajar terhadap keberkesanannya kursus CTU152 serta mengenal pasti aspek-aspek yang menyumbang kepada penghayatan nilai etika dan peradaban. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai impak kursus CTU152 dan seterusnya membantu dalam penambahbaikan kurikulum pendidikan Islam di peringkat pengajian tinggi.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keberkesanannya kursus CTU152 dalam memupuk nilai dan etika dalam kalangan pelajar UiTM. Antara fokus utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana kursus ini memberi pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap konsep etika dan peradaban mampu mempengaruhi sikap dan tingkah laku pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Kedua; untuk mengenal pasti kesan kursus CTU152 dalam membentuk sikap dan tindakan mahasiswa berhubung dengan isu-isu etika dan peradaban. Ketiga; untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan kursus serta mencadangkan penambahbaikan yang boleh meningkatkan keberkesanannya.

### Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan bagi memberi gambaran bagaimana kursus CTU152 berperanan dalam menyediakan pelajar dengan asas yang kukuh berkaitan nilai-nilai etika dan peradaban. Melalui analisis keberkesanan ini, kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak universiti dalam meningkatkan struktur dan memperbaiki silibus selari dengan keperluan semasa. Selain itu, kajian ini juga membantu dalam memastikan kursus memenuhi objektifnya dalam memupuk nilai-nilai etika yang diperlukan pelajar desawarsa ini.

### Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengedaran soal selidik kepada 500 pelajar semester kedua yang telah mengambil kod kursus CTU152 sesi Februari hingga Ogos 2024. Kaedah pensampelan yang digunakan ialah pensampelan bertujuan (purposive sampling). Data yang dikumpul akan dianalisis untuk menilai persepsi pelajar mengenai keberkesanan kursus serta kesannya kepada keperibadian pelajar.

### Permasalahan Kajian

Tinjauan awal mendapati terdapat beberapa permasalahan dalam pembelajaran kos kursus CTU152 yang dikenali pasti. Antaranya:

- i. Kefahaman berkaitan konsep yang tidak mendalam: mungkin berpunca daripada kurangnya pengetahuan asas mengenai konsep etika dan penjelasan yang disampaikan oleh pensyarah agak kabur menyebabkan pelajar sukar memahami dan menghayati etika yang diajar. Tambahan, pemahaman semakin berkirangan apabila jika pelajar sendiri tidak hadir secara konsisten ke kuliah.
- ii. Kaedah pengajaran yang disampaikan tidak berkesan: pembelajaran bersifat tradisional akan menyebabkan pelajar bosan dan tidak menunjukkan minat untuk memahami konsep etika. Ditambah lagi dengan kekurangan aktiviti praktikal atau kerelevanannya contoh kehidupan semasa menyebabkan pelajar tidak berminat untuk memahami dengan lebih lanjut.
- iii. Bahan pengajaran yang tidak mencukupi: Kekurangan sumber rujukan kualiti bahan pengajaran seperti slaid, nota, dan teks mungkin tidak memadai atau tidak dikemas kini, mempengaruhi pengalaman pembelajaran pelajar.
- iv. Tahap penghayatan nilai etika yang berbeza mungkin berpunca dari latar belakang yang berlainan menyebabkan sukar untuk mengintegrasikan dan menghayati nilai-nilai setia secara konsisten. Keadaan menjadi semakin buruk apabila pelajar itu sendiri mempunyai tanggapan bahawa kursus ini kurang penting berbanding dengan kursus-kursus lain yang dianggap lebih praktikal atau teknikal.
- v. Pengurusan masa yang tidak fleksibel dan beban tugas lain menjadi salah satu punca pelajar kurang memberi tumpuan kepada kursus ini. Kekurangan masa untuk pembelajaran mendalam dan penilaian yang efektif boleh menjelaskan pemahaman pelajar tentang kursus.

Oleh yang demikian, pentingnya untuk membuat penilaian keberkesanan kursus CTU152 untuk menangani masalah-masalah ini di samping mencadangkan penambahbaikan dalam pengajaran dan bahan pengajaran di samping meningkatkan keberkesanan kursus CTU152.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dapatan kajian ini adalah hasil dari pengedaran borang soal selidik kepada pelajar-pelajar semester dua sesi Februari hingga Ogos 2024. Dapatan ini dibahagikan kepada beberapa kategori utama termasuk latar belakang pelajar, pemahaman pelajar terhadap kursus, kesan pengajaran terhadap sikap dan nilai, serta kekuatan dan kelemahan kursus CTU152 dalam mencapai objektifnya.

### i. Pemahaman pelajar terhadap nilai etika dan peradaban

#### Jadual 1

Kursus CTU152 yang bertemakan Etika dan Peradaban telah dirangka untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai kepentingan nilai-nilai murni dan prinsip etika dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks negara yang berbilang kaum, agama dan budaya seperti Malaysia, pemahaman tentang nilai etika adalah amat penting bagi menjamin keharmonian sosial dan pembangunan masyarakat yang seimbang. Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana kursus ini memberi kesan kepada pemahaman pelajar terhadap nilai etika dalam masyarakat.

Berdasarkan dapatan kajian, 69% daripada pelajar menyatakan bahawa kesan kursus ini terhadap pemahaman mereka adalah sangat besar. Peratusan ini menunjukkan majoriti pelajar merasakan bahawa mereka memperoleh ilmu, kefahaman dan kesedaran yang mendalam tentang nilai-nilai etika yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian, khususnya dalam interaksi sesama manusia yang berbeza latar belakang. Ini juga membuktikan bahawa kandungan kursus yang menyentuh aspek tanggungjawab sosial, integriti, kejujuran dan keadilan telah berjaya menyentuh hati dan pemikiran para pelajar.

Selain itu, 34.1% responden menyatakan bahawa kesan kursus ini terhadap pemahaman mereka adalah pada tahap sederhana. Walaupun tidak setinggi kategori “sangat besar”, namun ini masih menunjukkan bahawa kursus CTU152 tetap memberi impak positif kepada sebahagian besar pelajar. Faktor seperti minat individu, kaedah pengajaran atau pendekatan pembelajaran mungkin mempengaruhi tahap kefahaman dan kesedaran pelajar secara berbeza-beza.

Menariknya, hanya 0.9% pelajar menyatakan bahawa kesan kursus ini adalah kecil, dan 0% menyatakan tiada kesan langsung. Ini memperlihatkan bahawa hampir semua pelajar

mendapat sesuatu yang bermakna daripada kursus ini, sekurang-kurangnya dalam membina kesedaran tentang pentingnya etika dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan saling menghormati.

Secara keseluruhan, analisis ini membuktikan bahawa kursus CTU152 telah berjaya memberi kesan yang ketara terhadap kefahaman pelajar mengenai nilai-nilai etika dalam masyarakat. Dalam era moden yang penuh dengan cabaran sosial dan budaya, pelaksanaan kursus seperti ini amat relevan untuk membentuk mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, tetapi juga beretika dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Kursus ini sewajarnya diteruskan dengan penambahbaikan dari segi pengisian dan pendekatan agar terus memberi impak positif kepada generasi pelajar masa kini dan akan datang.

## Jadual 2

Berdasarkan data kajian yang diperoleh, didapati bahawa sebanyak 55.9% daripada pelajar menyatakan kursus ini sangat membantu mereka dalam memahami konsep etika dan peradaban. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden benar-benar merasakan impak positif daripada kursus ini terhadap kefahaman mereka. Manakala 46.3% pelajar pula mengatakan kursus ini membantu mereka dalam memahami topik tersebut. Gabungan kedua-dua kategori ini menjadikan jumlah pelajar yang memberikan maklum balas positif melebihi 90%, satu angka yang cukup tinggi dan meyakinkan.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pelajar yang memberikan maklum balas negatif. Sebanyak 2.6% responden mengatakan kursus ini kurang membantu, manakala hanya 0.4% sahaja yang mengatakan ia tidak membantu langsung. Walaupun peratusan ini sangat rendah dan tidak signifikan secara besar-besaran, ia tetap menunjukkan bahawa masih ada ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dari sudut penyampaian atau pendekatan pembelajaran yang digunakan.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa kursus CTU152 berjaya mencapai objektif utamanya iaitu untuk membantu pelajar memahami konsep etika dan peradaban dalam konteks Malaysia yang pelbagai kaum dan agama. Peningkatan dari sudut kesedaran nilai, toleransi dan tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar membuktikan bahawa kursus ini masih relevan dan penting dalam membentuk sahsiah generasi muda masa kini.

### Jadual 3

Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa bahan pengajaran kursus CTU152 sememangnya relevan dan memberi kesan positif terhadap pembentukan nilai diri. Sebanyak 51.1% responden menilai bahawa kursus ini relevan, manakala 49.3% lagi menilainya sebagai sangat relevan. Jumlah ini secara keseluruhan menunjukkan lebih daripada 99% pelajar mengakui kepentingan kursus ini dalam mendidik mereka mengenai aspek etika dan peradaban. Data ini menggambarkan penerimaan yang sangat baik terhadap kandungan kursus serta pendekatan pengajarannya.

Sebaliknya, hanya 3.5% responden menyatakan kursus ini tidak begitu relevan, manakala tiada langsung responden yang menganggapnya tidak relevan. Peratusan ini amat kecil dan boleh dianggap sebagai pengecualian yang mungkin berpunca daripada pengalaman individu tertentu atau keperluan penambahbaikan dalam aspek tertentu seperti gaya penyampaian atau bentuk penilaian.

### Jadual 4

Berdasarkan data yang diperoleh, 43.7% pelajar menyatakan mereka sangat setuju bahawa kandungan kursus ini relevan dengan bidang pengajian mereka. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden dapat melihat kaitan yang jelas antara topik yang dibincangkan dalam kursus ini dengan konteks bidang masing-masing, sama ada dalam bidang sains, perniagaan, teknologi mahupun kemanusiaan. Selain itu, 55.5% pelajar pula menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut, menjadikan jumlah keseluruhan pelajar yang memberikan respons positif kepada soalan ini sebanyak 99.2%.

Peratusan yang begitu tinggi ini jelas menggambarkan bahawa kursus CTU152 bukan sahaja bersifat umum atau teoritikal semata-mata, tetapi mampu dikaitkan dengan isu-isu dan cabaran sebenar dalam pelbagai bidang pengajian. Nilai-nilai seperti integriti, keadilan, toleransi dan tanggungjawab sosial yang ditekankan dalam kursus ini ternyata berguna dalam melahirkan profesional yang bukan sahaja kompeten, tetapi juga beretika.

Sebaliknya, hanya 2.6% pelajar menyatakan mereka tidak setuju dan 0.4% sangat tidak setuju bahawa kandungan kursus ini relevan dengan bidang pengajian mereka. Walaupun jumlah ini sangat kecil, ia tetap memberi isyarat bahawa masih ada ruang untuk penambahbaikan dari segi penyampaian dan pendekatan kursus agar lebih dekat dengan konteks realiti bidang masing-masing. Penggunaan contoh-contoh khusus mengikut bidang mungkin boleh membantu meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap kandungan kursus ini.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa kandungan kursus CTU152 dilihat sebagai amat relevan oleh majoriti besar pelajar. Kursus ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada pembangunan sahsiah, malah mampu memperkaya pemikiran pelajar dari pelbagai disiplin ilmu.

## Jadual 5

Kehidupan seharian seringkali dipenuhi dengan pelbagai situasi yang menuntut kita membuat Keputusan sama ada dalam pergaulan sosial, tugas akademik, urusan kewangan, maupun interaksi digital. Dalam konteks ini, keupayaan untuk membuat keputusan yang berlandaskan etika amat penting agar seseorang individu bukan sahaja bertindak dengan betul, tetapi juga berlandaskan nilai moral yang diterima oleh masyarakat. Kajian ini dijalankan untuk menilai sama ada kursus CTU152 mampu membantu pelajar dalam aspek ini.

Hasil kajian menunjukkan bahawa 97.4% pelajar bersetuju bahawa kursus CTU152 membantu mereka membuat keputusan yang lebih beretika dalam kehidupan harian. Peratusan yang begitu tinggi ini menunjukkan keberkesanan kursus ini dalam membentuk kefahaman pelajar terhadap prinsip-prinsip etika seperti kejujuran, tanggungjawab, keadilan dan toleransi. Ia juga mencerminkan kejayaan kursus ini dalam mengaitkan teori etika dengan situasi sebenar yang dihadapi oleh pelajar dalam kehidupan harian mereka.

Kandungan kursus yang menyentuh isu-isu seperti etika dalam pekerjaan, hubungan antara kaum, amalan integriti dalam organisasi, serta nilai-nilai sejagat dalam pelbagai tamadun telah membantu pelajar menyedari kepentingan membuat keputusan yang adil, bijak dan

berlandaskan nilai moral. Ini bukan sahaja membentuk individu yang beretika, tetapi juga mampu menyumbang kepada masyarakat yang harmoni dan bertamadun tinggi.

Namun begitu, terdapat 2.6% pelajar yang menyatakan bahawa kursus ini tidak membantu mereka dalam membuat keputusan secara beretika. Walaupun jumlah ini kecil, ia tetap memberi isyarat bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari segi pendekatan pengajaran, penglibatan pelajar secara aktif, serta kaitan kandungan kursus dengan realiti kehidupan seharian yang lebih dekat dengan pengalaman mereka.

## Jadual 6

Berdasarkan hasil kajian, 48.5% pelajar menyatakan bahawa mereka sangat setuju kursus CTU152 telah memperkayakan pengetahuan mereka tentang sejarah, budaya dan tradisi masyarakat. Ini menunjukkan hampir separuh daripada pelajar benar-benar merasakan kursus ini membuka minda mereka terhadap pelbagai tamadun dunia serta warisan budaya yang membentuk identiti sesebuah bangsa. Penekanan terhadap peradaban Islam, Barat, Cina, India, dan peradaban tradisional lain memberi pelajar gambaran yang luas dan seimbang tentang perkembangan sejarah dan sosial dunia.

Sementara itu, 50.2% pelajar pula menyatakan setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar yang memberikan respons positif sebanyak 98.7%. Peratusan ini amat memberangsangkan dan membuktikan bahawa kandungan kursus ini bukan sahaja bersifat akademik, malah berupaya meningkatkan kesedaran pelajar tentang pentingnya menghargai kepelbagaian sejarah dan budaya dalam pembentukan identiti kebangsaan serta perpaduan masyarakat.

Namun begitu, terdapat 2.6% pelajar yang menyatakan mereka tidak setuju bahawa kursus ini memperkayakan pengetahuan mereka dalam aspek tersebut. Walaupun peratusan ini sangat kecil, ia tetap memberi petunjuk bahawa terdapat pelajar yang mungkin belum dapat menghubungkan kandungan kursus dengan pengalaman atau bidang pengajian mereka secara langsung. Hal ini mungkin disebabkan oleh gaya pembelajaran yang kurang interaktif ataukekangan masa untuk mendalami topik secara menyeluruh.

### Jadual 7

Hasil kajian menunjukkan bahawa 48.5% pelajar sangat setuju bahawa kursus ini telah memperkayakan pengetahuan mereka tentang sejarah, budaya dan tradisi masyarakat. Ini menunjukkan hampir separuh daripada pelajar benar-benar merasai manfaat kursus ini dalam memperluaskan pandangan mereka terhadap kepelbagaiannya peradaban yang membentuk dunia hari ini. Melalui pendedahan kepada pelbagai tamadun seperti tamadun Islam, Barat, India, Cina dan Nusantara, pelajar dapat mengenal pasti nilai dan sumbangan yang mempengaruhi kehidupan manusia dari dahulu hingga kini.

Selain itu, 50.2% pelajar menyatakan setuju bahawa kursus ini membantu mereka memahami aspek sejarah dan budaya dengan lebih mendalam. Ini bermakna, secara keseluruhannya, 98.7% pelajar memberikan maklum balas positif terhadap keberkesanan kursus ini dalam memperkayakan pengetahuan mereka tentang peradaban. Ini adalah satu pencapaian yang sangat baik, menunjukkan bahawa kandungan kursus ini relevan, menyeluruh, dan memberi impak yang besar kepada pemikiran pelajar.

Namun, terdapat juga 2.6% pelajar yang tidak setuju dan 0.4% sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Walaupun peratusan ini kecil, ia tetap penting untuk diberi perhatian. Mungkin terdapat keperluan untuk mempertingkatkan lagi pendekatan pengajaran dan kaedah penyampaian agar lebih menarik dan dekat dengan konteks semasa. Penggunaan bahan visual, lawatan budaya atau projek lapangan boleh membantu pelajar merasai pengalaman belajar yang lebih bermakna dan berkesan.

Secara keseluruhannya, analisis ini membuktikan bahawa CTU152 berfungsi sebagai platform yang penting untuk meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai sejarah, budaya dan tradisi masyarakat. Ia bukan sahaja menyumbang kepada pembentukan pelajar yang berilmu dan beretika, tetapi juga yang memahami dan menghargai kepelbagaiannya yang wujud dalam dunia hari ini. Oleh itu, kursus ini perlu terus diperkasa agar dapat melahirkan generasi yang berfikiran terbuka, bertoleransi dan mampu menyumbang ke arah keharmonian sejagat.

### Jadual 8

Berdasarkan data yang diperoleh, 50.7% pelajar menyatakan sangat setuju bahawa kursus ini memberi impak positif terhadap cara mereka berinteraksi dengan orang lain dari pelbagai latar belakang. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada pelajar benar-benar merasakan bahawa kursus ini telah membuka minda mereka terhadap kepelbagaiannya masyarakat, dan mendorong mereka untuk lebih memahami, menghormati dan menerima perbezaan.

Selain itu, 48.5% pelajar pula setuju bahawa kursus ini memberi kesan yang baik terhadap cara mereka berinteraksi. Dengan gabungan respons "sangat setuju" dan "setuju", ini menunjukkan bahawa seramai 99.2% pelajar memberikan maklum balas positif terhadap soalan ini. Ini membuktikan keberkesanan kursus CTU152 dalam menyampaikan mesej penting tentang perpaduan, toleransi dan saling menghormati antara kaum, yang menjadi asas keharmonian dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Walaupun begitu, terdapat 2.2% pelajar yang tidak setuju bahawa kursus ini memberi impak positif terhadap interaksi sosial mereka, manakala tiada pelajar yang memberikan jawapan sangat tidak setuju. Peratusan yang kecil ini mungkin berpunca daripada perbezaan pengalaman individu, gaya pembelajaran yang kurang berkesan, atau kurangnya penglibatan aktif dalam perbincangan berkaitan nilai dan budaya.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa kursus CTU152 telah berjaya memberi impak yang ketara dalam membentuk kemahiran sosial pelajar, khususnya dalam berinteraksi dengan individu daripada pelbagai latar belakang budaya dan kepercayaan. Kefahaman terhadap nilai peradaban, sejarah dan etika membolehkan pelajar melihat dunia dengan lebih terbuka dan berempati. Justeru, kursus ini bukan sahaja relevan, tetapi juga penting untuk membina masyarakat yang inklusif, bersatu dan penuh rasa hormat antara satu sama lain.

## Bahagian D

### Jadual 9

Hasil kajian menunjukkan bahawa 47.2% pelajar sangat setuju bahawa kursus ini telah membantu mereka memahami konsep nilai etika dan peradaban, manakala 52.8% pula setuju. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan 100% pelajar yang memberikan maklum balas positif - satu dapatan yang sangat membanggakan dan menunjukkan keberkesanan sebenar kursus ini dalam mencapai objektif utamanya.

Daripada sudut kandungan, kursus ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai topik penting seperti nilai moral sejahtera, prinsip etika dalam agama dan budaya, serta sejarah perkembangan tamadun manusia. Pendedahan ini menjadikan pelajar lebih sedar akan peranan etika dalam membina masyarakat yang adil, berperikemanusiaan dan bertamadun. Kefahaman ini secara langsung menyumbang kepada pembentukan pelajar yang lebih matang dalam berfikir, membuat keputusan, dan berinteraksi dengan masyarakat.

Walaupun terdapat 2.6% pelajar yang tidak setuju dan 0.4% sangat tidak setuju, peratusan ini sangat kecil dan tidak menjelaskan dapatan keseluruhan. Namun, ia masih penting untuk diteliti bagi tujuan penambahbaikan. Mungkin sebahagian pelajar memerlukan pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif atau kontekstual bagi memudahkan pemahaman konsep-konsep yang abstrak seperti etika dan peradaban.

### Jadual 10

Kursus CTU152: Etika dan Peradaban bukan sekadar kursus akademik, tetapi satu bentuk pendidikan yang bertujuan membentuk pemikiran dan tingkah laku pelajar agar lebih beretika, bertanggungjawab dan berpandangan luas dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, penting untuk menilai sejauh mana kursus ini memberi kesan terhadap penerapan nilai-nilai etika dalam kehidupan seharian pelajar selepas mereka mengikuti pengisian kursus ini.

Berdasarkan data kajian, 49.8% pelajar menyatakan bahawa mereka mengalami perubahan sederhana dalam penerapan nilai etika. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden merasakan terdapat peningkatan yang jelas, walaupun tidak terlalu drastik, dalam cara mereka mengamalkan nilai-nilai seperti kejujuran, tanggungjawab, hormat-menghormati dan toleransi selepas mengikuti kursus ini. Hal ini mencerminkan keberkesanan kursus dalam membina kesedaran serta kefahaman tentang pentingnya nilai etika dalam kehidupan harian.

Selain itu, 15.3% pelajar menyatakan mereka mengalami perubahan yang ketara. Walaupun peratusannya lebih kecil berbanding kategori sebelumnya, dapatan ini amat positif kerana ia menunjukkan bahawa kursus CTU152 benar-benar memberi kesan mendalam kepada segelintir pelajar, hingga mampu mengubah perspektif dan cara mereka bertindak dalam pelbagai situasi sosial dan peribadi.

Dalam masa yang sama, 32.3% responden menyatakan hanya mengalami sedikit perubahan. Ini menunjukkan bahawa walaupun kesedaran telah wujud, impaknya mungkin masih bersifat permulaan atau perlahan, bergantung kepada keupayaan pelajar mengaitkan kandungan kursus dengan pengalaman peribadi mereka.

Namun begitu, sebanyak 9.6% pelajar menyatakan tiada perubahan langsung terhadap penerapan nilai etika mereka. Dapatkan ini agak signifikan dan wajar diberi perhatian. Ia mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti gaya pengajaran yang kurang menarik, kekangan masa untuk menghayati kandungan kursus, atau kurangnya kesedaran pelajar sendiri terhadap kepentingan nilai etika dalam kehidupan.

## Jadual 11

Dalam suasana masyarakat majmuk seperti Malaysia, kursus ini berperanan besar dalam membina jati diri pelajar bukan sahaja sebagai individu yang berilmu, tetapi juga sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap

relevansi kandungan kursus ini terhadap kehidupan pelajar dan peranan mereka sebagai rakyat Malaysia.

Berdasarkan dapatan kajian, 61.1% pelajar menyatakan bahawa kandungan kursus CTU152 adalah relevan dengan kehidupan mereka sebagai pelajar dan warganegara. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar dapat melihat kaitan secara langsung antara apa yang dipelajari dalam kursus ini dengan realiti kehidupan sehari-hari. Topik-topik seperti perpaduan, nilai etika sejahtera, sejarah tamadun dan konsep peradaban memberi mereka panduan yang berguna dalam memahami pelbagai isu semasa serta membentuk pandangan hidup yang seimbang dan inklusif.

Walau bagaimanapun, 34.5% pelajar memberikan jawapan neutral. Ini mungkin menunjukkan bahawa sebilangan pelajar belum dapat mengaitkan secara langsung isi kandungan kursus dengan kehidupan peribadi mereka, atau merasakan bahawa kursus ini masih bersifat terlalu umum. Ini memberi isyarat kepada penggubal kurikulum dan tenaga pengajar agar menambah baik pendekatan pengajaran dengan memberi lebih banyak contoh yang bersesuaian dengan kehidupan pelajar masa kini, seperti isu-isu sosial, digital, dan kemasyarakatan yang sedang berlaku.

Sementara itu, 1.3% pelajar berpendapat kursus ini tidak relevan, manakala 7% pula menyatakan ia sangat tidak relevan. Walaupun jumlah ini kecil, ia agak signifikan dan mencadangkan bahawa terdapat sebilangan pelajar yang tidak melihat nilai praktikal kursus ini dalam kehidupan mereka. Faktor seperti kekangan masa, minat yang rendah terhadap subjek kemanusiaan, atau gaya penyampaian yang kurang menarik boleh menjadi penyumbang kepada persepsi negatif ini.

Kesimpulannya, analisis ini membuktikan bahawa secara umum, kursus CTU152 masih dianggap relevan dan bermanfaat kepada majoriti pelajar dalam membentuk identiti mereka sebagai pelajar dan warganegara Malaysia yang peka terhadap nilai, sejarah dan budaya. Namun, penambahbaikan dari segi pendekatan penyampaian dan pengaplikasian isi kandungan dalam konteks semasa sangat penting untuk memastikan kursus ini terus relevan dan memberi impak bermakna kepada semua lapisan pelajar.

### Cadangan Penambahbaikan

- i. Pengemaskinian bahan pengajaran: sentiasa melakukan pengemaskinian dari semasa ke semasa dengan memastikan silibus adalah relevan dan terkini serta menyediakan contoh-contoh yang lebih berkaitan dengan konteks semasa.
- ii. Kaedah pengajaran yang lebih interaktif dengan menyelitkan aktiviti-aktiviti bersifat praktikal, kajian kes dan perbincangan dalam kumpulan bagi meningkatkan penglibatan pelajar sepanjang kuliah.
- iii. Penerapan praktikal. Memandangkan kursus ini lebih kepada bersifat sejarah, pensyarah perlu lebih kreatif dengan memasukkan elemen-elemen yang mengaitkan dengan prinsip etika dan peradaban dengan kehidupan sehari-hari pelajar. Suasana begini lebih memberi keseronokan kepada pelajar dan kerelevan kursus ini ditawarkan kepada semua fakulti.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan penambahbaikan untuk kursus CTU152 adalah seperti berikut:

- i. Menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih interaktif, seperti perbincangan kumpulan, kajian kes, dan projek yang membolehkan mahasiswa mengaplikasikan nilai etika dan peradaban dalam kehidupan sebenar.

- ii. Mengemas kini kandungan kursus untuk memasukkan isu-isu semasa yang relevan dengan kehidupan mahasiswa hari ini, seperti etika digital, kepelbagaian budaya, dan peranan tamadun dalam mengatasi cabaran sosial moden.
- iii. Meningkatkan penggunaan teknologi dalam pengajaran, seperti pembelajaran berdasarkan aplikasi atau platform digital, untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.
- iv. Mengadakan aktiviti luar kelas yang dapat memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengamalkan nilai etika dan peradaban dalam situasi dunia nyata, seperti program khidmat masyarakat atau projek kolaborasi dengan komuniti setempat.

## Kesimpulan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kursus CTU152 memberi kesan positif dalam membentuk nilai etika pelajar. Hasil ini dapat dijadikan asas kepada pihak universiti dalam merangka dasar pendidikan yang lebih holistik. Antara cadangan dasar termasuklah peningkatan kandungan etika dalam silibus kursus umum, latihan pedagogi berdasarkan nilai untuk pensyarah, serta pembangunan modul pembelajaran yang lebih praktikal dan kontekstual. Kajian ini juga boleh menyumbang kepada penambahbaikan dasar kurikulum institusi dalam membina pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga berakhhlak dan bertamadun.

Secara keseluruhan, kursus CTU152 telah menunjukkan keberkesanannya dalam meningkatkan pemahaman pelajar mengenai prinsip etika dan peradaban. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa penambahbaikan perlu dilakukan bagi mencapai objektifnya. Melalui pelaksanaan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan, diharap kursus ini memberi impak yang besar dalam membentuk pelajar yang beretika dan memahami peradaban, serta menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran dalam konteks kehidupan dan kerjaya mereka.

## Rujukan

- Abu Bakar, R., & Mohamad, A. M. (2015). Penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus prinsip-prinsip asas Islam (CTU101) di UiTM. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 20–33. Fokus pada penerimaan pelajar terhadap kursus etika permulaan
- Abdullah, S. R., Fazial, F., Mat Hassan, S. H., Yahaya, S., & Hamid, C. K. (2022). The effectiveness of courses Penghayatan Etika dan Peradaban in fostering racial unity: A study on Universiti Teknologi MARA (UiTM) students. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(46), 571–582. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.746043>
- Ahmad, A. M., Hussin, Z., Yusof, F., & Jamil, M. R. (2017). Masalah etika dan akhlak pelajar kemahiran kejuruteraan: Analisis keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2), April.
- Asmah, & Ribhan. (2021). *Peranan adab dalam pembelajaran atas talian*. Universiti Teknologi MARA.
- Jodi, K. H. M. (2006). *Masalah akhlak di kalangan pelajar IPTS: Satu cabaran*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pengajian Umum 2006, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Zahid, E. S. B., Ahmad, N. A., Halim, I. B. A., & Lateh, A. T. B. A. (2022). Students' perceptions of appreciation of ethics and civilization course at Universiti Teknologi MARA, Penang Branch. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2). <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i2/14136>
- Sumari, M., & Hussin, Z. (2006). *Cabaran IPT dalam menangani salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa: Tinjauan dan cadangan*. Kertas kerja dibentangkan dalam NASDEC 2006 Conference.

- Ibrahim, N., & Mat Nor, R. (2022). Keberkesanan modul etika dalam kalangan pelajar universiti: Kajian kes di UPM. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 28(1), 77–89.
- Ruzairi, R., & Jasmi, K. A. (2022). Akhlak dan adab generasi muda kini. Dalam *Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST)* (4)(1), 351–357. Webinar bertarikh 11 Januari 2022, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). <https://utm.webex.com/meet/amdean>
- Hassan, R., Zain, F. M., Abu Bakar, K., & Kamaruzzaman, A. F. (2020). Kefahaman nilai etika dan moral pelajar di institusi pengajian tinggi: Satu sorotan literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 126–141. <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101>
- UiTM (n.d.). *CTU152: Values and Civilization* [Course syllabus]. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Universiti Teknologi MARA. (2020). *Kod kursus CTU152: Falsafah dan Isu Semasa* (Sukatan rasmi kursus). Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM.
- Universiti Teknologi MARA. (2024). *CTU152: Values and Civilization* (course print view). Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). (2023). *Adab berguru kian pupus*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zaini, N., Abdul Rahman, M. A., & Mohamad, S. H. (2021). Pengaruh kursus etika terhadap pembentukan sahsiah mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 55–64.